

02 JAN, 2023

PUPUK MINAT TERHADAP SERANGGA

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 3



PUPUK MINAT TERHADAP SERANGGA

CIS Fakulti Sains dan Teknologi UKM anjurkan Pertandingan dan Pameran Seni Visual 2D berinspirasi Serangga

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Serangga adalah makhluk kecil yang sering dipandang sepi. Malah, ada kalanya ia dikatakan sebagai makhluk perosak.

Namun, benarliah ungkapan tak kenal maka tak cinta.

Walaupun saiznya yang kecil, tetapi setiap jenis serangga mempunyai kepentingan dan keunikan tersendiri yang perlu dihargai.

Bukan itu saja, ia turut mempunyai nilai seni yang cukup tinggi dan penceritaan tersendiri.

Justeru, bagi memupuk minat masyarakat terhadap kepentingan dan keunikan serangga, Pusat Sistemik Serangga (CIS) Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganjurkan Pertandingan dan Pameran Seni Visual 2D berinspirasi Serangga.

Seni Insekta 2022, baru-baru ini.

Menariknya, program yang julung kali diadakan di Malaysia itu merangkumi pembabit pelbagai peringkat masyarakat melalui pertandingan karya seni dua dimensi (2D) berinspirasi serangga yang dipandu beberapa siri bengkel dan diakhiri dengan pelbagai aktiviti interaktif berasaskan seni serta serangga.

Pengerusi Program Seni Insekta 2022, Dr Nurul Wahida Othman berkata, program yang julung kali diadakan di Malaysia ini menggabungkan dua teras bidang berbeza iaitu sains serangga dan seni.

Katanya ia merangkumi Pertandingan Seni Visual 2D berinspirasi serangga dengan tema Metamorfosis itu diakhiri dengan pameran karya pertandingan dan pelbagai aktiviti pembelajaran aktif yang menarik di Pusat Sains

Negara pada Disember lalu.


"Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat terutama pelajar terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik (STEAM) melalui kaedah santai serta menarik.

"Bukan itu saja, program ini turut memfokuskan kepentingan sains berinspirasi serangga dengan tema metamorfosis yang boleh diterjemahkan melalui karya seni 2D dan fotografi," katanya.

Dr Nurul Wahida yang juga ketua CIS berkata, serangga diangkat sebagai model utama bagi program ini kerana ia adalah salah satu komponen penting yang menjamin kestabilan perkhidmatan ekosistem kita.

"Selain memupuk minat terhadap kepentingan dan keunikan serangga, program ini juga dapat mencungkil bakat seni peserta.

> 36



02 JAN, 2023

PUPUK MINAT TERHADAP SERANGGA

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 3

DARI MUKA 35

"Seni Insekta ini juga dijalankan bagi meningkatkan penghargaan generasi muda terhadap kepelbagaian serangga di Malaysia dengan menterjemahkannya dalam bentuk hasil seni visual 2D sama ada seni lukisan, seni cetak, seni catan, seni lukisan digital atau seni fotografi.

"Oleh yang demikian, adalah diharapkan program sebegini dapat meningkatkan minat masyarakat terutama generasi muda terhadap bidang sains dan seni," katanya.

Program ini turut dianjurkan CIS dengan rakan kolaborasi yang lain seperti Fakulti Gunaan dan Seni Kreatif Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Persatuan Entomologi Malaysia (ENTOMA), Pusat Sains Negara, Balai Seni Negara, Kelab Biologi UKM dan Kesatuan Mahasiswa UKM.

Walaupun julung kali diadakan, program ini turut mendapat sambutan baik dengan penajaan daripada orang perseorangan dan pelbagai agensi serta NGO seperti ENTOMA, Amanah Raya Berhad, Balai Seni Lukis Negara, Kesatuan Mahasiswa UKM (KMUKM), Al-Kahfi Lestari Oil & Gas Sdn Bhd, Bumitech Global Energy Sdn Bhd, Messrs Fatin & Zaharnan, Nomatech Sdn Bhd dan Natural Scientific Sdn Bhd.

Dr Nurul Wahida berkata, menerusi pembabitn pelajar sebagai penggerak dalam program ini, saya harap ia mampu meningkatkan kemahiran insaniah mereka terutamanya bakat kepimpinan, keyakinan dan keterampilan diri bagi bersedia pelajar menghadapi alam pekerjaan kelak.

Katanya, kerjasama antara pelajar dan staf UKM serta UNIMAS selain jaringan kerjasama dengan pihak luar yang ditunjukkan sepanjang program berlangsung menunjukkan kebolehan pelajar UKM bekerjasama dengan baik bersama organisasi bukan pelajar.

"Dengan pembabitn mahasiswa sebagai ahli jawatan kuasa dalam program ini, saya berharap program sebegini dapat mengasah kemahiran insaniah pelajar selain menyediakan pengalaman bekerja dalam satu organisasi.

"Saya juga berharap supaya program seperti Seni Insekta ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan membabitkan cabang bidang



HASIL karya rekaan serangga yang diperbuat daripada dawai besi.

MILIKI KEUNIKAN TERSENDIRI

Serangga adalah antara satu komponen penting yang menjamin kestabilan serta perkhidmatan ekosistem



MEWARNA pelbagai jenis serangga antara aktiviti yang diadakan.

sains yang berbeza seperti penghasilan seni berlainan seperti tiga dimensi (3D).

"Semoga pengalaman, perkongsian ilmu dan jalinan kerjasama sepanjang program berlangsung menunjukkan kebolehan pelajar UKM bekerjasama dengan baik bersama organisasi bukan pelajar.

"Dengan pembabitn mahasiswa sebagai ahli jawatan kuasa dalam program ini, saya berharap program sebegini dapat mengasah kemahiran insaniah pelajar selain menyediakan pengalaman bekerja dalam satu organisasi.

"Saya juga berharap supaya program seperti Seni Insekta ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan membabitkan cabang bidang

Idris dengan karya bertajuk Ambulyx Pryeri. Pemenang kedua Nurwafecqah Mohd Shahrulazmi dengan tajuk karya Si Beluncas dan pemenang ketiga ialah Maya Liliyyina Zabidi dengan karya Rama-rama yang ajaib.

Bagi kategori B pula pemenang pertama adalah Abdul Raziq Mohd Iszairi dengan karya The Stingless Bee, kedua Nurin Farisha Muhammad Faiez (Mentadak mentadu) dan ketiga ialah Ahmad Naif Jamaludin (Orang Ketiga).

Untuk kategori C pula, tempat pertama dimenangi Nurul Izzah Wahidah Abdul Wahid dengan karya Time- Capsule of Danaus Plexippus. Aisyah Majihah Najep (Rahsia Lebah) di tempat kedua

dan Norsyafinaz Mohamad Hashim (Kelahiran Semula) di tempat ketiga.

Karya bertajuk The Flying Jewels: Rajah Brooke Butterfly oleh Muhammad Nur Syafiq Nizam Shah melayakkannya memenangi tempat pertama untuk kategori D. Tempat kedua pula dimenangi Ng Yong Foo dengan karya Pembawa Mayat manakala tempat ketiga dimenangi Siti Hajar Abd Rahman (bagai Lebah Menghimpun Madu).

Seni Insekta ini juga menyenaraikan lima pemenang untuk Kategori Khas Juri yang diberikan kepada Qistina Amalyn Muhamad (The Trivialis), Nor Shazlin Abd Jalil (Can You See Me?), Siti Nurshafika Awang Rajip (Perubahan) Nur Iyilia Maisarah Baharom (Flies In A Gold Mirror) dan Norsairah Hassan Masoud (Epiphany).

Pemenang Kategori C Nurul Izzah Wahidah Abdul Wahid menyifatkan kemenangannya itu adalah platform untuknya menyertai lebih banyak pertandingan dan pameran lukisan di masa hadapan.

"Kemenangan ini sememangnya cukup mengejutkan. Ketika menghantar penyertaan, saya memang berharap untuk menang kerana mahu menyertai pameran lukisan tetapi tidak menyangka



NURUL Izzah Wahidah bergambar dengan hasil karyanya yang dinobatkan sebagai pemenang kategori C.

Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat terutama pelajar terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik (STEAM) melalui kaedah santai serta menarik

DR NURUL WAHIDA



02 JAN, 2023

PUPUK MINAT TERHADAP SERANGGA

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

CIS Fakulti Sains dan Teknologi UKM anjurkan Pertandingan dan Pameran Seni Visual 2D berinspirasi Serangga

Serangga adalah makhluk kecil yang sering dipandang sepi. Malah, ada kalanya ia dikatakan sebagai makhluk perosak. Namun, benarlah ungkapan tak kenal maka tak cinta.Walaupun saiznya yang kecil, tetapi setiap jenis serangga mempunyai kepentingan dan keunikan tersendiri yang perlu dihargai.Bukan itu saja, ia turut mempunyai nilai seni yang cukup tinggi dan penceritaan tersendiri.